



1 Mac 2012
1 March 2012
P.U. (A) 57

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PENANDAAN TOPI KELEDAR MOTOSIKAL) 2012

TRADE DESCRIPTIONS (MARKING OF MOTORCYCLE SAFETY HELMET) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERIHAL DAGANGAN 2011

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PENANDAAN TOPI KELEDAR MOTOSIKAL) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 29(1)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 [*Akta 730*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Topi Keledar Motosikal) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2012.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, “topi keledar” ertinya topi keledar mengikut pengertian Kaedah-Kaedah Motosikal (Topi Keledar) 1973 [*P.U. (A) 43/1973*] dan yang telah mematuhi kehendak spesifikasi yang dinyatakan di bawah kaedah 3 Kaedah-Kaedah itu.

Penandaan topi keledar motosikal

3. Topi keledar motosikal yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan hendaklah mempunyai tanda yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual mengikut standard yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual, mengikut mana-mana yang berkenaan.